

From: UUM Press
Sent: Khamis, 19 Disember 2019 3:34 ptg
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Bin Saad; Umisofian Bt Md Yusuf; Mohammad Amzari Bin Bakri
Subject: SICONSEM 2019 PLATFORM PERKONGSIAN PENEMUAN PENYELIDIKAN BIDANG SAINS SOSIAL

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



19 Disember 2019 / 22 Rabiulakhir 1441H

SICONSEM 2019 PLATFORM PERKONGSIAN PENEMUAN PENYELIDIKAN BIDANG SAINS SOSIAL

Sintok International Conference and Social Science and Management (SICONSEM) 2019 anjuran UUM Press buat kali ketiga menjadi platform kepada peserta dan pembentang antarabangsa dan tempatan untuk membentangkan kajian dan penemuan penyelidikan fokus kepada tiga tema iaitu "International Conference on Business, Economic and Management", "International Conference on Education and Social Development" dan "International Conference on Law, Government and International Studies".

Persidangan tahunan yang diadakan sejak dari tahun 2017 ini telah berlangsung di Hotel Thistle, Johor Bahru dari 26 hingga 27 November lalu dan telah menarik penyertaan seramai 350 orang. Daripada jumlah berkenaan, 160 orang terdiri daripada pembentang kertas kerja dari Nigeria, Indonesia, India, Filipina, Brunei, Bangladesh, Iraq, Thailand, Pakistan dan Malaysia.

Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Ram Al Jaffri Saad berkata, dengan tiga tema utama bidang pengurusan dan ekonomi, pendidikan, undang-undang dan pengajian antarabangsa, para penyelidik dan sarjana dapat berkongsi penyelidikan mereka dalam pembentangan di Siconsem ini dan secara langsung menyebarkan dapatan kajian mereka apabila diterbitkan dalam jurnal UUM. Proses penerbitan sama seperti makalah biasa iaitu perlu melalui proses penilaian dan penambahbaikan.



Keunikan Siconsem juga memberi peluang kepada peserta dan pembentang bertemu dan mendapat bimbingan daripada ketua pengarang semua jurnal UUM yang turut hadir di persidangan berkenaan. Siconsem merupakan salah satu usaha UUM Press untuk mendapatkan makalah bagi penerbitan kesemua 16 jurnal terbitan UUM.

“PENERBITAN ILMIAH KEUTAMAAN KAMI”

Pejabat Am Pentadbiran dan Kewangan
UUM Press
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, MALAYSIA
Tel: +604 928 4795/4796
Faks: +604 928 4792
E-mel: penerbit@uum.edu.my
Laman sesawang: <http://uumpress.uum.edu.my>



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.